



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Perolehan Berkaitan ICT Dan Rangkaian Internet**

**(Pindaan Pada 15 Julai 2019)**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN**

<b>PK 7.6</b>	<b>PEROLEHAN BERKAITAN ICT DAN RANGKAIAN INTERNET .....</b>	<b>2</b>
<b>1.</b>	<b>Perolehan Perisian Komputer atau Lesen Pengguna .....</b>	<b>2</b>
<b>2.</b>	<b>Perolehan Pangkalan Data, Jurnal Dan Maklumat Secara Atas Talian.....</b>	<b>4</b>
<b>3.</b>	<b>Pelanjutan Kontrak Penyelenggaraan Dan Menaik Taraf Bagi Perkhidmatan Rangkaian ICT Dan Perkhidmatan Internet Di Agensi Kerajaan .....</b>	<b>6</b>
<b>4.</b>	<b>Jawatankuasa Penilaian .....</b>	<b>7</b>
<b>5.</b>	<b>Pesanan Kerajaan .....</b>	<b>8</b>
<b>6.</b>	<b>Surat Setuju Terima .....</b>	<b>8</b>
<b>7.</b>	<b>Bon Pelaksanaan.....</b>	<b>8</b>
<b>8.</b>	<b>Dokumen Perjanjian.....</b>	<b>8</b>
<b>9.</b>	<b>Arahan Perbendaharaan (AP)99(e) .....</b>	<b>9</b>
<b>10.</b>	<b>Penyedia Perkhidmatan Berpangkalan Di Luar Negara.....</b>	<b>9</b>
<b>11.</b>	<b>Tarikh Kuat Kuasa.....</b>	<b>9</b>

**PK 7.6 PEROLEHAN BERKAITAN ICT DAN RANGKAIAN INTERNET****1. Perolehan Perisian Komputer atau Lesen Pengguna****1.1 Kaedah dan Had Nilai**

1.1.1 Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus bagi perisian komputer atau lesen pengguna untuk perisian khusus atau perisian umum mengikut had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus seperti berikut:

(a) Perisian Khusus:

<b>Bil.</b>	<b>Had Nilai</b>	<b>Pihak Berkuasa Melulus</b>
i.	Sehingga RM20 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis
ii.	Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan Agensi (mengikut had nilai yang ditetapkan)

## (b) Perisian Umum:

<b>Bil.</b>	<b>Had Nilai</b>	<b>Pihak Berkuasa Melulus</b>
i.	Sehingga RM20 ribu	Pegawai Pengawal/ Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis
ii.	Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
iii.	Melebihi RM500 ribu sehingga RM1 juta	Lembaga Perolehan Agensi
iv.	Melebihi RM1 juta	Kementerian Kewangan

1.2 **Syarat Perolehan**

- 1.2.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- 1.2.2 Kajian pasaran hendaklah dilaksanakan.
- 1.2.3 Perisian berkenaan boleh diperoleh daripada mana-mana pemilik perisian atau pembekal tunggal/agen tunggal.
- 1.2.4 Pembekal tunggal/agen tunggal hendaklah mempunyai surat lantikan yang sah daripada pemilik perisian berkenaan.
- 1.2.5 Perolehan hanya untuk perisian komputer sahaja dan tidak termasuk perkakasan.
- 1.2.6 Agensi mendapat kelulusan teknikal selaras dengan peraturan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh MAMPU.

- 1.2.7 Had nilai, kuasa melulus dan syarat-syarat di atas adalah juga terpakai untuk perolehan yang melibatkan naik taraf perisian komputer atau pembaharuan lesen.
- 1.2.8 Agensi dibenarkan mengimport perisian komputer atau lesen pengguna dari negara yang mengeluarkannya/mengedarkannya sekiranya tidak dapat dibekalkan dari punca tempatan.
- 1.2.9 Bagi perolehan sehingga RM20 ribu, tatacara rundingan harga seperti di PP/PK7.16 adalah dikecualikan, namun pegawai yang menguruskan perolehan hendaklah berusaha untuk merundingkan harga bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada Kerajaan dan mendapatkan pengesahan/persetujuan daripada kedua-dua pihak secara bertulis sama ada melalui e-mel/faks.
- 1.2.10 Bagi perolehan melebihi RM20 ribu, harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah dan menguntungkan Kerajaan selaras dengan peraturan semasa.

## **2. Perolehan Pangkalan Data, Jurnal Dan Maklumat Secara Atas Talian**

### **2.1 Kaedah dan Had Nilai**

- 2.1.1 Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus bagi perolehan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian mengikut had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus seperti berikut:

Bil.	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM20 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis
ii.	Melebihi RM20 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan Agensi (mengikut had nilai yang ditetapkan)

## 2.2 Syarat Perolehan

- 2.2.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan adalah mencukupi.
- 2.2.2 Kajian pasaran adalah dikecualikan.
- 2.2.3 Perolehan dibuat daripada pemilik atau pembekal tunggal/agen tunggal.
- 2.2.4 Pembekal tunggal/agen tunggal hendaklah mempunyai surat lantikan yang sah daripada pemilik pangkalan data, jurnal dan maklumat berkenaan.
- 2.2.5 Agensi mendapat kelulusan teknikal selaras dengan peraturan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh MAMPU.
- 2.2.6 Tatacara rundingan harga seperti di PP/PK7.16 adalah dikecualikan, namun pegawai yang menguruskan perolehan hendaklah berusaha untuk merundingkan harga bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada Kerajaan dan mendapatkan pengesahan/persetujuan daripada kedua-dua pihak secara bertulis sama ada melalui emel/faks.

- 2.3 Kaedah perolehan, had nilai, kuasa melulus dan syarat di atas adalah juga terpakai untuk pelanjutan tempoh langganan pangkalan data, jurnal dan maklumat atas talian.
- 3. Pelanjutan Kontrak Penyelenggaraan Dan Menaik Taraf Bagi Perkhidmatan Rangkaian ICT Dan Perkhidmatan Internet Di Agensi Kerajaan**

- 3.1 Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus bagi pelanjutan kontrak penyelenggaraan dan menaik taraf bagi perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan internet di Agensi Kerajaan mengikut had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Had Nilai (Tahunan)</b>	<b>Pihak Berkuasa Melulus</b>
i.	Sehingga RM200 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis
ii.	Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan Agensi (mengikut had nilai yang ditetapkan)

- 3.2 Had nilai maksimum yang boleh dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melulus adalah berdasarkan nilai perkhidmatan selama setahun.

**3.3 Syarat Perolehan**

- 3.3.1 Peruntukan kewangan adalah diluluskan dan mencukupi.
- 3.3.2 Kajian pasaran adalah dikecualikan.
- 3.3.3 Kontrak semasa masih berkuat kuasa semasa perolehan dibuat.
- 3.3.4 Agensi mendapat kelulusan teknikal selaras dengan peraturan berkuat kuasa yang dikeluarkan oleh MAMPU.

- 3.3.5 Pembekal hendaklah mempunyai lesen yang sah daripada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan.
- 3.3.6 Tempoh kontrak yang munasabah dan hendaklah mengambil kira pelaksanaan MyGovNet atau infrastruktur rangkaian di Agensi masing-masing.
- 3.3.7 Had nilai, kuasa melulus dan syarat di atas tidak terpakai untuk perolehan baharu atau peluasan skop perkhidmatan rangkaian ICT dan perkhidmatan Internet.
- 3.3.8 Bagi perolehan sehingga RM20 ribu, tatacara rundingan harga seperti di PP/PK7.16 adalah dikecualikan, namun pegawai yang menguruskan perolehan hendaklah berusaha untuk merundingkan harga bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada Kerajaan dan mendapatkan pengesahan/persetujuan daripada kedua-dua pihak secara bertulis sama ada melalui emel/faks.
- 3.3.9 Bagi perolehan melebihi RM20 ribu, harga hendaklah dirundingkan ke paras terendah dan menguntungkan Kerajaan selaras dengan peraturan semasa.

#### **4. Jawatankuasa Penilaian**

- 4.1 Agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian bagi menilai perolehan melebihi RM20 ribu dengan keahlian hendaklah terdiri daripada tiga (3) orang iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana sekurang-kurang seorang daripadanya, hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.
- 4.2 Jawatankuasa Penilaian adalah bertanggungjawab untuk memastikan syarat perolehan di perenggan 1 hingga 3 dipatuhi.



## 5. Pesanan Kerajaan

- 5.1 Bagi perolehan di perenggan 1 hingga 3, Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e). Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

## 6. Surat Setuju Terima

- 6.1 Bagi perolehan di perenggan 1 dan 3, Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* yang melebihi RM20 ribu.
- 6.2 Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian sama ada bermasa atau *one-off*.

## 7. Bon Pelaksanaan

- 7.1 Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan di perenggan 1 hingga 3 yang melebihi RM200 ribu sama ada bermasa atau *one-off*.

## 8. Dokumen Perjanjian

- 8.1 Bagi perolehan di perenggan 1 dan 3, Agensi hendaklah mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* melebihi RM500 ribu.
- 8.2 Bagi perolehan secara *one-off* bernilai sehingga RM500 ribu, Agensi dikecualikan daripada mengadakan dokumen. Walau bagaimanapun, terma dan syarat bagi perkhidmatan tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara dan dilampirkan bersama Pesanan Kerajaan atau Surat Setuju Terima.

- 8.3 Pengecualian penyediaan dokumen perjanjian juga diberikan bagi perolehan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian sama ada bermasa atau *one-off*. Agensi hendaklah memastikan semua obligasi syarikat telah disempurnakan sebelum bayaran dilakukan.

## **9. Arahan Perbendaharaan (AP)99(e)**

- 9.1 AP99(e) telah menetapkan bahawa bayaran hanya boleh dibuat sekiranya perakuan bekalan/ perkhidmatan/kerja telah dilaksanakan dengan sempurna.
- 9.2 Bagi pembayaran yang perlu dibuat sebahagian atau sepenuhnya sebelum pembekalan/perkhidmatan dilaksanakan, kebenaran adalah terhad kepada perolehan pangkalan data, jurnal dan maklumat secara atas talian yang mana Agensi diberi pengecualian daripada AP99(e).

## **10. Penyedia Perkhidmatan Berpangkalan Di Luar Negara**

- 10.1 Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Pesanan Kerajaan, Surat Setuju Terima dan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa atau *one-off* untuk penyedia perkhidmatan berpangkalan di luar negara. Walau bagaimanapun, terma dan syarat bagi perkhidmatan tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.
- 10.2 Pembayaran boleh dilaksanakan menerusi *Telegraphic Transfer* (TT) atau kaedah lain yang dibenarkan.

## **11. Tarikh Kuat Kuasa**

- 11.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai 15 Julai 2019.